

NO SOALAN : 150

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

**TARIKH : 24.5.2016
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status milik tanah syarikat-syarikat terlibat dalam pelan pembangunan semula pangkalan udara Butterworth, Taiping, Kuantan, Kuching, Sungai Besi, Bukit Jugra, kem-kem Majidee dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi projek perpindahan dan pembangunan semula Pangkalan Udara Butterworth ianya masih diperingkat kajian dan penelitian pihak Kementerian. Justeru status tanah di kawasan berkenaan masih lagi di bawah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

Manakala bagi Kem Taiping, Kem Kuantan, Kem Kuching, Kem Sungai Besi dan Kem Bukit Jugra, pihak Kementerian tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk pelan pembangunan semula tanah dikawasan berkenaan. Justeru status tanah di kawasan-kawasan berkenaan masih di bawah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

Manakala bagi status tanah tapak asal Kem Majidee, ianya adalah tanah Kerajaan Negeri Johor.